

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Shah Alam, Isnin 12 April 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR**

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

**TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Cik Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speakar Mampengerusikan Mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat kali Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Kedua belas pada 12 April 2010 dimulakan dengan bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Proklamasi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), Dengan Kurnia Allah, Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Serta Segala Daerah Takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 12 April 2010 hingga 16 April 2010 dan 19 April 2010 hingga 20 April 2010 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 17 hari bulan Mac 2010.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dif-Dif kehormat dan para jemputan, dengan ini dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor berkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan. Oleh itu saya menempohkan Dewan buat seketika.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Keberangkatan masuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan diiringi oleh YB Speaker.

SETIAUSAHA DEWAN : Dengan segala hormatnya dijemput YAB tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, Dato' Menteri Besar Selangor untuk mempersembahkan Titah Ucapan Diraja kepada Duli Ucapan Diraja kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### III. TITAH UCAPAN DYMM SULTAN SELANGOR

TUAN SPEAKER: Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan  
Selamat Sejahtera

*Bismillahir Rahmanir Rahim,*

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang melimpahkan kasih sayang-Nya yang maha luas. Selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kepada seluruh keluarga dan para sahabat baginda.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya Beta dapat bersama-sama di Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Sidang Dewan Negeri Selangor Kali Ke-12, yang bermula pada hari ini hingga 16 April 2010, dan pada 19 hingga 20 April 2010.

Beta mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua wakil rakyat kerana kini sudah genaplah dua tahun sejak Pilihan Raya Umum pada tahun 2008 dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat masih bersemangat untuk memberikan khidmat terbaik sejajar dengan amanah yang diberikan rakyat. Beta berharap Dewan yang dimuliakan ini adalah medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan kepentingan rakyat. Mulakanlah dengan niat untuk bekerja dengan jujur, ikhlas dan betul dan berilah kerjasama yang perlu kepada kepemimpinan negeri yang diketuai oleh Dato' Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim.

Oleh itu Beta berkenan rakyat Beta, bekerjasama dengan barisan pemimpin Kerajaan Negeri Selangor yang berusaha membangunkan sumber-sumber negeri untuk "memewahkan negeri dan mensejahterakan rakyatnya".

Beta percaya keadaan kegawatan ekonomi dunia sepanjang tahun 2010 ini masih belum reda sepenuhnya. Meskipun wujud jangkaan pemulihan, namun Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan ia hanya berlaku pada kadar dua persepuluh lima peratus (2.5%). Ia masih sesuatu yang positif. Namun, kita tidak boleh beranggapan yang ia sudah cukup baik. Sistem kewangan di negara maju masih bergelut dengan masalah tahap aktiviti di paras yang rendah.

Justeru itu, Kerajaan Beta perlu lebih peka dalam hal menjana pertumbuhan dan memastikan kebajikan rakyat Beta tidak terabai. Prestasi tadbir urus kerajaan Beta yang mendapat pengiktirafan Sijil Tanpa Teguran daripada Ketua Audit Negara tahun lalu meyakinkan Beta

bahawa prinsip tadbir urus Kerajaan yang baik, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang dilaungkan oleh kepimpinan negeri dari semasa ke semasa sedang berlaku dan membentuk paradigma baharu dalam usaha kita menyampaikan mesej keadilan dan kesejahteraan kepada rakyat.

Sejak dahulu, Selangor memang dikenali sebagai negeri tumpuan kerana kemajuannya. Selain penduduk asal, ramai rakyat dari negeri lain berhijrah ke Selangor untuk mencari sumber rezeki. Keadaan ini juga didorong oleh kemunculan banyak Pusat Pengajian Tinggi di sini. Ramai yang terus menetap dan membesarkan keluarga di sini. Kesan daripada kemajuan yang berterusan, Selangor merangsang pelbagai bakat dan kemahiran daripada seluruh ceruk untuk datang membina kehidupan di sini. Tidak dinafikan, kepesatan pembangunan di negeri Selangor terhasil daripada kejayaan rakyat mengekalkan keharmonian antara kaum, dan usaha ini bagi Beta merupakan antara contoh terbaik dan terpenting. Ia tidak mungkin berlaku tanpa kerjasama semua pihak.

Oleh itu, Beta berkenan supaya keharmonian masyarakat majmuk di Selangor menjadi model nasional. Beta percaya kita semua boleh memberi komitmen bahawa segala perbezaan antara kita merupakan suatu aset dan bukan punca perbalahan. Buanglah segala prejudis yang ada kerana apa juga cabaran yang bakal dihadapi tidak pernah mengenal warna kulit dan keturunan.

Sesungguhnya, Perlembagaan memberikan hak kepada semua pihak dan sifat Perlembagaan sebenarnya untuk melindungi rakyat sama ada daripada segi politik, ekonomi atau sosial. Justeru itu, fahamilah Perlembagaan Negara agar kita tidak berlebihan dalam usaha menuntut hak masing-masing.

Beta tidak mahu ahli-ahli politik negeri Selangor menghabiskan masa yang banyak untuk berpolitik sahaja. Politik harus ada masa dan tempatnya. Di dalam Dewan ini, gunakanlah kesempatan yang terhad untuk membincangkan dasar-dasar yang baik dan janganlah berkelakuan yang tidak sepatutnya. Semua Ahli Dewan harus memberi contoh baik akal-budi kepada semua.

Beta gembira terhadap dasar kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri dan meluaskan perkongsian kekayaan untuk rakyat melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan Pakej Rangsangan Ekonomi sebagaimana yang dipaparkan dalam buku *Tadbir-Urus Selangor: Dasar, Program dan Fakta*. Rekod yang dicatat ini harus dirujuk untuk dinilai perkembangannya.

Fasa Pertama dan Kedua Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sedang berlangsung dan Beta amat berharap perkara-perkara yang dilaksanakan memberi manfaat kepada golongan warga emas, wanita, anak muda, pelajar, pekerja sektor ladang dan pertanian, kanak-kanak bahkan seluruh warga negeri Selangor. Namun, Beta percaya bahawa penambahbaikan boleh terus dilaksanakan. Kumpulan SEMESTA Sdn Bhd pada tahun 2009 memperolehi keuntungan sebanyak Ringgit Malaysia Lapan perpuluhan Dua Satu Juta (RM8.21 juta). Sepuluh peratus (10%) daripada hasil keuntungan ini diserahkan kepada Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Dalam beberapa Program Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor yang Beta hadiri, Beta dapat melihat ianya diberi sambutan yang baik oleh rakyat. Beta berharap ia mampu memberi faedah kepada rakyat secara langsung. Beta juga berharap semua pihak dapat memberi sokongan penuh terhadap usaha ini.

Beta sedar bukan sahaja realiti ekonomi semasa tidak menentu, tetapi sumber kerajaan Beta juga terhad. Program kebajikan yang meluas tidak mungkin dilaksanakan dengan berkesan tanpa sokongan sumber yang cukup. Oleh itu, Beta berharap seluruh jentera kerajaan Beta dapat bergerak dengan memanfaatkan sumber yang ada untuk perkara yang berfaedah. Dalam tempoh dua tahun ini, sumber yang terhad telah digunakan dengan baik melalui agihan berasaskan keperluan sebagaimana tercatat dalam program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Semasa Beta turun bersama ke Program Meningkatkan Hasil Padi pada Januari yang lalu, Beta melihat hasil positif di kawasan-kawasan perintis di Pancang Bedena, Pasir Panjang dan Sawah Sempadan. Beta yakin dengan peningkatan pendapatan per kapita para petani dan peladang, ia dapat mengubah persepsi masyarakat khususnya generasi muda tentang prospek masa hadapan bidang Pertanian.

Program Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang juga merupakan usaha yang baik. Selain memastikan air sungai yang bersih, kita sewajarnya memanfaatkan sumber alam di sepanjang sungai Klang untuk tujuan yang berfaedah. Sungai Klang merupakan sumber air yang penting dan pembersihannya dapat menampung permintaan kegunaan air di Selangor sebanyak sepuluh peratus (10%). Beta berharap program ini dapat memberikan kesan yang positif dan pemantauan secara berkala yang berkesan diperlukan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan setiap program.

Kerajaan Beta telah memberi tumpuan pada projek dan industri berteknologi tinggi. Pada tahun lalu jumlah pelaburan industri mencapai Ringgit Malaysia Enam Perpuluhan Tujuh Enam Bilion (RM6.76 Bilion) melalui dua ratus tujuh puluh lapan (278) projek dan sekali gus mewujudkan lebih dua puluh ribu (20,000) peluang pekerjaan. Jumlah ini mengatasi sasaran awal Ringgit Malaysia Empat Bilion (RM4 Bilion), iaitu lebihan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Perpuluhan Tujuh Enam Billion (RM2.76 Bilion). Prestasi ini merupakan petunjuk penting yang kerajaan Beta memenuhi agenda memajukan negeri dan mensejahterakan rakyat. Perpindahan banyak syarikat ke Selangor juga menunjukkan negeri ini mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan.

Tumpuan wajar diberikan terhadap projek dan industri berteknologi tinggi seperti Projek Lembah Klang Dua, Projek pelbagai Komuniti Digital dan Industri ICT serta Teknologi Solar. Pada masa sama, usaha mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Penubuhan Taman Industri (IPCMC) perlu digiatkan agar kepentingan pelabur dan pengilang yang menyumbang untuk pertumbuhan ekonomi negeri dan kebajikan rakyat Beta terus terjaga.

Beta difahamkan bahawa Kerajaan Negeri sedang dalam usaha mengutip hutang daripada Syarikat Talam Corporation Berhad, di mana sebahagian daripada kutipan ini adalah untuk Program Pinjaman Kredit Mikro. Beta berharap ia diuruskan dengan cekap dan dapat bergerak selaras dengan objektifnya.

Oleh sebab kerajaan Beta turut memasukkan Program Penambahbaikan Khidmat Pengangkutan Awam dalam Pakej Rangsangan Ekonomi, maka Beta sukacita jika ia dapat meningkatkan sektor pelancongan di negeri Beta. Dasar liberalisasi ekonomi di peringkat Kerajaan Persekutuan harus disambut sebagai cabaran menempatkan perkhidmatan bermutu dalam kalangan rakyat Beta. Ia penting supaya negeri kita tidak ketinggalan ketika pelaburan luar masuk dengan banyak. Kerajaan Beta harus memikirkan produk-produk pelancongan

sama ada berbentuk alam sekitar yang asli atau lokasi buatan manusia, budaya-agama atau program-program berkala dengan tema-tema tertentu.

Bagi menjayakan aspirasi ini, Beta yakin perkhidmatan pengangkutan awam dan khidmat pengguna yang berkesan amatlah diperlukan. Ia baik untuk semua pihak sama ada negeri, penggerak industri perkhidmatan atau pelancong. Beta berharap seluruh jentera kerajaan Beta berfikir dan bertindak untuk mengurungi rungutan awam tentang karenah birokrasi dan segala macam halangan yang boleh menyebabkan mereka lambat atau tercicir daripada menikmati segala macam faedah yang dirancang untuk mereka.

Beta berkenan supaya seluruh jentera kerajaan Beta membuat anjakan paradigma untuk meningkatkan produktiviti kerja. Hanya dengan dasar dan strategi penyampaian yang berkesan kita dapat bersama meningkatkan maruah dan keupayaan kita dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan mengangkat martabat pengurusan kerajaan untuk manfaat semua.

Bagi mencapai maksud ini, Beta menekankan agar Indeks Ukuran Prestasi (KPI) dapat dikemas kini dan dipantau dengan rapi. Jika perlu, sistem ganjaran yang munasabah hendaklah diberikan kepada pekerja sektor awam yang berprestasi cemerlang.

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan, pekerja sektor awam wajib mengamalkan sikap neutral, profesional, mengamalkan prinsip kecemerlangan dan etika yang unggul serta peka terhadap kerajaan yang memerintah dan mematuhi undang-undang negara. Prinsip profesional dan berkecuali di sini bererti ia bertugas untuk kerajaan semasa yang memerintah dan membuat keputusan yang adil tanpa mengira sentiment politik, agama dan kaum.

Kerajaan Beta terbukti menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara, iaitu anggaran sebanyak dua puluh satu peratus (21%). Dalam hal ini, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan saling memerlukan. Beta berharap kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dipereratkan demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Selangor yang Beta kasihi ini.

Sehubungan dengan itu juga, Beta mahu Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya benar-benar menjalankan tugas di kawasan masing-masing dengan telus dan bertanggungjawab. Kerajaan Beta harus memastikan semua Ahli Yang Berhormat mendapat peruntukan yang sesuai agar mereka dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Bagi maksud ini Beta berkenan kerajaan Beta berurusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan dana yang cukup untuk pembangunan negeri dan rakyat.

Beta berkenan mengingatkan semua rakyat bahawa Perlembagaan harus menjadi asas dalam usaha menguruskan permasalahan yang ada. Dalam Perlembagaan sudah termaktub hak rakyat dengan jelasnya. Prinsip kebebasan dan keadilan adalah prinsip yang sedia ada dalam Pemasyhuran Kemerdekaan. Maka Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memberi mesej yang jelas kepada rakyat mengenai perkara ini.

Beta juga prihatin terhadap perkembangan jenayah di negeri Beta. Beta faham, hal jenayah merupakan isu yang kompleks dan tidak mudah diuruskan apatah lagi mencari kesalahan kepada mana-mana pihak. Oleh sebab Kerajaan Persekutuan juga menyatakan komitmen mereka untuk memerangi jenayah, Beta berharap kerajaan Beta sedia memberikan kerjasama yang sewajarnya. Beta mengucapkan terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia

Selangor atas segala usaha yang dilaksanakan bagi memastikan keselamatan rakyat di negeri ini sentiasa dilindungi.

Selaras dengan perkembangan dunia, kerajaan Beta harus segera berusaha merakyatkan pengetahuan Sains dan Teknologi sebagai alat inovasi yang perlu dibudayakan. Pengetahuan teknologi digital di kalangan rakyat hendaklah dimajukan agar tidak ada yang terus tercicir. Beta percaya akses rakyat kepada teknologi dan sumber pengetahuan yang berkualiti merupakan antara kayu ukur penting kemajuan negeri ini.

Beta berharap media massa dapat memainkan peranan dengan laporan yang tepat dan berkualiti kepada rakyat. Beta yakin rakyat perlukan sumber maklumat yang tepat dan objektif di samping mendidik dan membina pemikiran. Media perlu berfungsi membina masyarakat pelbagai kaum bagi membolehkan kita bekerjasama memajukan masyarakat, negeri dan negara serta saling hidup dengan kerukunan yang sejahtera.

Beta yakin kita semua sedar bahawa apabila kita bercakap tentang Pembangunan Modal Insan, ia meliputi semua aspek – Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial. Beta telah dimaklumkan bahawa kerajaan Beta sedang menjalankan Program “SPIES”, iaitu ringkasan daripada konsep-konsep *Spiritual, Physical, Intellectual, Emotional* dan *Social*. Kerajaan Beta mesti menumpukan Program Pembangunan Modal Insan untuk mendorong budaya kepemimpinan unggul dalam kalangan belia, wanita dan pemimpin setempat. Dengan dorongan ini mereka menjadi lebih berdikari menguruskan kesejahteraan mereka sendiri. Masyarakat yang kuat dapat membantu kelancaran kerja kerajaan. Kerajaan Beta memerlukan kerjasama masyarakat yang dapat memberi maklumat sebenar, dan bukan diada-adakan untuk mencapai objektif perkhidmatan mereka.

Beta sedar, pembangunan insan secara menyeluruh sukar diukur pencapaiannya. Namun, kita harus sedar yang keruntuhan mana-mana tamadun berpunca antaranya daripada aspek akhlak dan moral yang diabaikan, perlakuan jenayah, rasuah, keganasan rumah tangga dan pembuangan bayi misalnya, ada kaitan dengan aspek nilai insan yang tidak dibangunkan. Kemiskinan dan keciciran dalam pelajaran juga memerlukan pendekatan pembangunan insan secara menyeluruh untuk penyelesaiannya.

Beta difahamkan, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) yang ditubuhkan menurut Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 merupakan organisasi yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam pembangunan sukan negeri. Beta memang mahukan kerajaan Beta hebat seperti selalunya dalam bidang sukan dan permainan. Justeru, peruntukan kewangan yang diberikan haruslah dibalas dengan merangkul kejuaraan dalam mana-mana acara yang disertai.

Sukan dan rekreasi adalah jenis aktiviti yang boleh digunakan untuk memupuk nilai persaingan yang sihat, berdikari, berusaha, bekerja sebagai satu pasukan dan menghormati serta menghargai kelebihan dan kekurangan individu, lebih-lebih lagi dalam persekitaran budaya dan kepercayaan yang pelbagai. Oleh yang demikian, Beta berkenan supaya aktiviti sukan dan rekreasi di Negeri Selangor dapat dipesatkan perkembangannya supaya Negeri Selangor akan dapat mengeluarkan jaguh-jaguh sukan yang setanding di peringkat antarabangsa untuk mengharumkan nama baik negeri dan negara.

Beta mahu kualiti perancangan taman dan kawasan kegiatan masa lapang atau rekreasi memperlihatkan ketinggian budaya dalam masyarakat. Kita tidak mahu memiliki taman dan

kawasan rekreasi yang hanya meniru ciri-ciri dalam kebudayaan luar sebaliknya kita mesti memasukkan nilai budaya setempat dalam perancangan kita. Beta berharap usaha memberi suntikan ekonomi kepada pembangunan tanah melalui Program Pemulihan Sungai Klang dan Pembangunan Semula Kawasan Terbiar di Bandar dapat mengambil kira hasrat ini. Pembangunan bukan sahaja harus berkisar dalam persoalan untung rugi tetapi juga perlu mempunyai cita rasa budaya yang tinggi.

Sebagai Ketua Negeri, menjadi keinginan Beta untuk melihat negeri Beta terus berkembang maju, rakyat Beta mendapat manfaat dan kerajaan Beta dapat menjalankan amanah rakyat Beta dengan cekap dan lancar. Beta sedar dalam politik tidak mungkin ada seratus peratus (100%) persetujuan dan memang diakui bahawa sistem "semak dan imbang" (*check and balance*) diperlukan bagi memastikan semua kepentingan dapat diteliti. Beta mahu semua pihak melaksanakan sistem yang ada atas landasan amanah dan bukan isu peribadi akibat perbezaan politik.

Beta mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan seluruh jentera pentadbiran kerajaan Beta termasuk angkatan tentera, anggota polis, ahli bomba dan sebagainya yang bertungkus lumus memberi khidmat terbaik dan adil kepada semua. Beta juga mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada semua, khususnya Memanda Beta, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim dalam usaha memandu kerajaan Beta dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri untuk tahun-tahun ke hadapan yang pasti mencabar.

Sebagai Raja Pemerintah Negeri, Beta memberi titah nasihat kepada semua agar dapat terus bertugas dengan lebih tekun, gigih dan mempertahankan negeri Selangor sebagai negeri terbaik di Malaysia dalam semua aspek sepanjang masa.

Akhirnya, Beta berdoa semoga negeri Selangor dan seluruh rakyat Beta terus mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa berusaha untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang dapat diwariskan kepada generasi seterusnya. Beta turut berharap semua perancangan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan matlamat Selangor negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan tercapai.

Beta mengucapkan selamat bersidang. Terima Kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

#### **IV. PENANGGUHAN**

**TUAN SPEAKER** : Demikian tadi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Patik bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor sekalian menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dengan ini saya menangguhkan Dewan ini sehingga hari Selasa, 13 April 2010, jam 10.00 pagi. Dewan Ditangguhkan.

#### **V. BCAAAN DOA SELAMAT OLEH SAHIBUS SAMAAH DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI NEGERI SELANGOR**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Dengan hormatnya dijemput Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor untuk membacakan Doa Selamat setelah sempurnanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

**( Bacaan doa selamat oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Selangor )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor meninggalkan Dewan.

Dengan segala hormatnya dijemput semua hadirin dan dif-dif jemputan sekalian untuk ke jamuan ringan yang disediakan di Dewan Jamuan, Bangunan Annex, Bangunan Dewan Undangan Negeri. Sekian. Terima kasih.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 10.50 pagi )**